

## KURSUS ASAS PEMBANGUNAN SISTEM MENGGUNAKAN LARAVEL, PHP, TAILWIND (CSS) DAN MYSQL

**Tajuk :TM03/25: KURSUS ASAS PEMBANGUNAN SISTEM MENGGUNAKAN  
LARAVEL, PHP, TAILWIND (CSS) DAN MYSQL**

**Tarikh : 20-22 MEI 2025**

**Lokasi : Pusat Kecemerlangan Teknologi Maklumat 1, Blok Akademi B, INSTUN**

**Penglibatan : 47 orang peserta**

Ringkasan Program : Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) melalui Bahagian Teknologi Maklumat telah berjaya menganjurkan Kursus Asas Pembangunan Sistem Menggunakan Laravel, PHP, Tailwind (CSS) dan MySQL pada 20 hingga 22 Mei 2025. Kursus ini telah disertai oleh 47 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan awam daripada pelbagai agensi.

Sepanjang tiga hari kursus ini, peserta telah didedahkan kepada latihan amali (hands-on) yang membolehkan mereka memahami proses pembangunan aplikasi web yang moden, responsif dan selamat. Kursus ini juga menekankan kepentingan struktur pembangunan yang sistematik dan berskala, bersesuaian dengan keperluan pembangunan sistem dalam sektor awam.

Maklum balas daripada peserta adalah sangat positif. Kursus ini telah meningkatkan pemahaman mereka terhadap teknologi web terkini dan menjadikan Laravel sebagai salah satu pilihan utama dalam pembangunan sistem berdasarkan PHP yang lebih cekap dan tersusun.

Kursus ini menyokong agenda kerajaan dalam memperkasa transformasi digital sektor awam, selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan aspek inovasi, tata kelola dan kecekapan teknologi maklumat dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

## **GAMBAR**





